

13 APR, 2020

PST sedia barang keperluan untuk rakyat

Sinar Harian, Malaysia



MEMERANGI WABAK COVID-19

PST sedia barang keperluan untuk rakyat

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) membuka sebanyak 97 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara bagi membolehkan rakyat mendapat barang keperluan.

Daripada jumlah itu, sebanyak 63 lokasi dibuka di bawah FAMA dan selebihnya di bawah LPP.

Ini melibatkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan,

daging dan barangan runcit.

Bagi memastikan keselamatan penjual dan pembeli, setiap urusan perniagaan diwajibkan mengikut peraturan penjarakkan sosial di antara gerai dan pintu keluar masuk dikawal-selia anggota polis dan tentera.

Kempen kesedaran mengenai 12 Langkah Pencegahan Wabak Covid-19 untuk pengunjung juga diperbanyakkan dengan adanya bahan infografik mengenai perkara tersebut di outlet pemasaran terpilih.



TERENGGANU

Seorang pelanggan membasuh tangan selepas berbelanja di MyFarm Outlet (MFO) Chendering, Terengganu.



Suasana di Pasar Tani Kekal @RTC Kelantan.

KELANTAN



Barangan segar yang dijual di PST Medan Ninga Satok, Sarawak.

SARAWAK



Barangan keperluan yang dijual di PST Datin Halimah, Johor.

JOHOR



Beginilah keadaan PST di Putrajaya.

PUTRAJAYA



Orang ramai perlu menjarakkan diri satu meter di PST Masjid Tanah Melaka.

MELAKA




Orang ramai mendapatkan barangan keperluan di PST Guar Chempedak, Kedah.

KEDAH



Pelbagai jenis sayuran dijual di PST Taman Sena Indah, Kangar, Perlis.

PERLIS



13 APR, 2020

PST sedia barang keperluan untuk rakyat

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) membuka sebanyak 97 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara bagi membolehkan rakyat mendapat barang keperluan. Daripada jumlah itu, sebanyak 63 lokasi dibuka di bawah FAMA dan selebihnya di bawah LPP. Ia melibatkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan,

daging dan barangan runcit.